

SIGNIFIKAN ILMU LOGIK DALAM PENGGUNAAN MEDIA SOSIAL

THE SIGNIFICANCE OF LOGIC IN SOCIAL MEDIA ENGAGEMENT

Norafifah binti Ab Hamid ^{1*}
Nor Azlina binti Abd Wahab ²
Siti Nurul Izza binti Hashim ³
Mahfuzah binti Mohammed Zabidi ⁴
Norhapizah binti Mohd Burhan ⁵

^{1,2,3} Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), UiTM Melaka

⁴ Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), UiTM Johor

⁵ Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), UiTM Pahang

*Corresponding author's email address: norafifah@uitm.edu.my

Article history

Received date : 9-4-2026
Revised date : 10-4-2026
Accepted date : 11-5-2026
Published date : 12-6-2026

To cite this document:

Ab Hamid, N., Abd Wahab, N. A., Hashim, S. N. I.,
Mohammed Zabidi, M., & Mohd Burhan, N. (2026).
Signifikan ilmu logik dalam penggunaan media sosial.
*Journal of Islamic, Social, Economics and
Development (JISED)*, 11 (83), 938 – 947.

Abstrak: Perkembangan teknologi maklumat telah membawa perubahan besar dalam dunia interaksi manusia dengan kemunculan pelbagai medium media sosial seperti facebook, twitter, instagram, tik tok dan sebagainya. Kemunculan media sosial yang pada asalnya untuk kemudahan dan manfaat manusia kini dilihat turut menyumbang kepada budaya negatif dalam masyarakat. Akibat keghairahan manusia tanpa disedari budaya tular kian membarahse hingga berleluasanya penyebaran maklumat palsu, fitnah memfitnah dan laungan bersuara tanpa batasan di media sosial. Kerancangan budaya tular ini dilihat memerlukan kepada usaha serius terhadap penguasaan ilmu logik yang merupakan salah satu disiplin ilmu dalam membentuk pemikiran manusia. Justeru makalah ini bertujuan untuk menganalisis signifikan ilmu logik dalam konteks masyarakat kini yang terpaksa berhadapan dengan lambakan isu tular di media sosial. Kajian ini bersifat kualitatif dengan menggunakan metode pengumpulan data secara dokumentasi dan metode analisis data berdasarkan analisis kandungan (content analysis). Hasil kajian merumuskan bahawa ilmu logik sangat penting untuk diaplikasi bagi mendepani budaya tular di media sosial kini menerusi peranannya dalam memandu akal manusia berfikir secara sistematik, seterusnya memandu akal manusia dalam membezakan kebenaran dan kesalahan dan terakhir melatih akal manusia berfikir secara kritis. Hal ini dilihat amat relevan untuk diaplikasi khususnya dalam membangun masyarakat yang berfikiran kritis.

Kata Kunci: Ilmu logik, media sosial, budaya tular

Abstract: The rapid advancement of information technology has fundamentally transformed human interaction through the emergence of various social media platforms, such as Facebook, Twitter, Instagram, and TikTok. While initially designed to facilitate human connectivity, social media is increasingly perceived as a catalyst for negative societal cultures. Driven by unbridled enthusiasm for digital engagement, the "viral culture" has inadvertently intensified, leading to

the widespread dissemination of misinformation, defamation, and unrestrained discourse. The prevalence of this phenomenon necessitates a rigorous focus on the mastery of logic—a discipline fundamental to shaping human cognition. Consequently, this paper aims to analyze the significance of logic in the context of contemporary society, which is constantly confronted with a deluge of viral issues. This study employs a qualitative approach, utilizing documentation for data collection and content analysis for data interpretation. The findings suggest that the application of logic is imperative in navigating modern social media culture. Logic serves as a cognitive guide for systematic reasoning, enables individuals to discern truth from falsehood, and fosters critical thinking skills. This is deemed highly relevant for application, particularly in developing a critically thinking society

Keywords: *Logic, social media, viral culture*

Pendahuluan

Perkembangan pesat teknologi maklumat dan komunikasi masa kini telah menjadikan proses interaksi sesama masyarakat menjadi mudah dan pantas. Perkembangan ini boleh dimanfaatkan dalam pelbagai bidang seperti pendidikan, perniagaan, pemasaran, pembelajaran sepanjang hayat dan sebagainya. Liputan komunikasi dan aliran maklumat yang pantas merentas benua tanpa mengira perbezaan waktu dan tempat digiatkan lagi dengan kewujudan jaringan media sosial. Platform digital seperti Whatsapp, Facebook, Instagram, Tik Tok dan Club House menjadi ruangan maya untuk pengguna internet bersosial. Situasi dan corak komunikasi ini juga mencipta satu fenomena baru dalam kalangan pengguna internet iaitu budaya tular atau viral. “Viral” atau tular dalam teori media diperkenalkan oleh Rushkoff (1994) bermaksud satu kaedah yang menyatakan tujuan komersial sesuatu aktiviti pengiklanan secara halus dan tersembunyi, sebaliknya menggalakkan kandungan disebarluaskan secara meluas kepada pengguna lain. Asalnya, konsep ini digunakan dalam pemasaran untuk menarik minat para pengguna mendapatkan produk dan perkhidmatan yang ditawarkan dengan kos yang rendah dan pulangan tinggi (Mohd Hanif et al. 2022). Seumpama virus atau ejen kecil, fenomena viral atau budaya tular ini menyebabkan satu entiti kecil yang biasa merebak menjadi luar biasa dalam tempoh yang singkat. Sesuatu maklumat, idea, kejadian atau maklumat yang bersifat sensasi dan menarik perhatian warga internet tersebar dengan pantas dan meluas tanpa mengira bangsa, lokasi mahupun peringkat umur. Penentuan aspek daya tarikan sesuatu “content” bergantung kepada sistem nilai dan norma masyarakat (Ramli et al. 2021). Lazimnya, unsur tarikan wujud pada tajuk, durasi video, elemen humor, kualiti muzik, elemen kejutan, belia atau orang muda atau bakat luar biasa yang menjadikan masyarakat tertarik untuk melihat dan menyebarkannya (West 2011). Usaha menangani isu ini memerlukan pendekatan kreatif pelbagai aspek merangkumi peningkatan literasi media, menggalakkan pemikiran kritis dan memastikan maklumat tepat mudah diakses (Berita Harian, 2024). Pemikiran kritis adalah komponen utama dan tidak dapat dipisahkan daripada ilmu logik. Oleh demikian pemikiran yang berteraskan ilmu logik dilihat mampu mengawal desakan emosi daripada dipengaruhi “content” tular di media sosial. Kelemahan dalam menguasai ilmu logik menjadikan pengguna media sosial mudah terikut-ikut dengan nilai dan pemikiran yang bertentangan dengan norma masyarakat Malaysia. Justeru, kertas kerja ini memfokuskan kepada menganalisis signifikan ilmu logik di era media sosial khususnya dalam konteks masyarakat Malaysia.

Sorotan Literatur

Lazimnya terdapat tiga cara utama dalam penulisan sorotan literatur iaitu pertama berdasarkan kronologi, kedua berdasarkan tema dan ketiga berdasarkan metodologi. Justeru dalam makalah ini pengkaji memilih cara yang kedua iaitu berdasarkan tema dengan merujuk kepada dua tema utama iaitu kajian tentang ilmu logik dan kedua kajian tentang media sosial.

Kajian tentang ilmu logik

Logik berasal daripada perkataan Greek iaitu *logos* yang membawa maksud sebab atau fikir (reason), asas rasional (rational ground), dasar (basic), pemikiran (thought) atau ucapan (speech) (The Encyclopedia of Religion, 71 1987). Berdasarkan Kamus Dewan (2010), ilmu logik didefinisikan sebagai sains yang berkaitan dengan prinsip bagi membolehkan pemikiran dan penaakulan dibuat secara teratur dan bersistem atau ilmu tentang kaedah berfikir. Seterusnya dalam konteks Bahasa Arab pula logik merujuk kepada mantik bererti pertuturan atau percakapan (Ibn Manzur, 2003). Manakala ungkapan mantik dalam Bahasa Melayu difahami sebagai ilmu yang membahaskan sesuatu menggunakan akal (Kamus Dewan, 2010). Sementara logik daripada aspek terminologi merupakan cabang falsafah dalam bahagian aksiologi yang mengkaji prinsip-prinsip penaakulan yang betul.

Kajian (Muhammad Rashidi & Mohd Fauzi, 2018) menjelaskan bahawa ilmu logik atau mantik ialah ilmu yang membahaskan kaedah-kaedah untuk berfikir secara tepat. Hal ini dilihat tidak lari dari pandangan al-Ghazali yang mendefinisikan logik sebagai kaedah-kaedah yang boleh membezakan antara definisi dan *al-qiyas* yang benar daripada yang rosak. Begitu juga dengan pandangan Ibn Khaldun yang mendefinisikan logik sebagai kaedah-kaedah yang boleh menjelaskan pengetahuan seseorang tentang pemikiran yang benar atau salah berdasarkan definisi dan hujah terhadap (*al-tasdiqat*). Selain itu hal ini turut dilihat selari dengan pandangan al-Jurjani yang mendefinisikan logik sebagai kaedah-kaedah dalam mengawal akal pemikiran manusia daripada melakukan kesilapan atau kesalahan ketika proses berfikir. Daripada itu tidak dapat dinafikan lagi ilmu logik berperanan penting dalam mendisiplinkan pemikiran para pengguna media sosial.

Bukan sekadar itu malahan Muhammad Rashidi Wahab & Mohd Fauzi Hamat (2020) menjelaskan bahawa ilmu logik turut mempunyai kedudukan yang penting dalam pemikiran Islam. Hal ini kerana, ilmu logik merupakan salah satu sumber hujah dalam akidah yang boleh mendatangkan keyakinan keimanan. Tambahan pula, ilmu logik digunakan dalam mempertahankan akidah daripada serangan musuh-musuh Islam yang melancarkan peperangan menggunakan senjata pemikiran. Rentetan itu ilmu logik turut mendapat kedudukan dalam kalangan sarjana Islam (Mohd Azhar Abd Hamid, 2001) antaranya al Ghazali yang berpendapat bahawa “logik adalah neraca ilmu, sesiapa yang tidak memahami logik maka tidak boleh diyakini ilmunya” (Abd Latif & Rosmawati, 1997). Manakala Ibn Rushd berpendapat mempelajari ilmu logik adalah wajib hukumnya dengan syarat dan tujuan ke arah kebaikan selagi ilmu tersebut tidak bercanggah dengan landasan syariat dan tidak merosakkan akidah seseorang. Pandangan beliau adalah berdasarkan dalil al-Quran yang menyeru manusia agar menggunakan akal (Abd Latif & Rosmawati, 1997).

Jika diteliti, penggunaan dan sumbangan ilmu logik terhadap keutuhan Islam bukan sahaja berlaku ketika zaman sejarah (Razali Musa, Mohd Rashidi Wahab & Mohd Faizul Azmi 2020). Malah, ilmu ini turut digunakan dalam menyelesaikan pelbagai permasalahan umat Islam yang berlarutan sehinggalah ke generasi masa kini dengan kemunculan isu-isu akidah kontemporari. Oleh itu, ilmu logik wajar difahami dan diaplikasi oleh umat Islam pada masa kini bagi

mendepani budaya tular yang turut melibatkan isu-isu akidah dan pemikiran Islam. Ini kerana ilmu logik mampu menjadi alat untuk mendapat, menguji sesuatu disiplin ilmu, menerangkan antara kebenaran dengan kepalsuan, haq dan batil serta dapat membantu menajamkan akal fikiran dan membolehkan manusia berfikir dengan lebih sistematik dan kreatif (Khalid Ismail & Muhammad Hazim Mohd Azhar, 2021).

Tambahan dalam menelusuri cabaran ideologi masa kini yang menuntut kepada lahirnya generasi berfikiran kritis dan kreatif. Tanpa akal dan sistem fikir yang tepat, manusia tidak mampu menapis saring dan membezakan antara yang benar dan salah, serta baik dan buruk. Oleh demikian, ilmu logik yang mementingkan proses pencarian maklumat, pengetahuan, data dan fakta bagi mengukuhkan kebenaran sesuatu perkara (Aminuddin Hassan, Fadzilah Abd Rahman & Sim Kuan Yew, 2015) dilihat penting dalam menghadapi cabaran budaya tular di media sosial.

Berdasarkan perbincangan di atas dapat disimpulkan bahawa perbincangan mengenai ilmu logik amat penting untuk terus dikaji dan didalami agar masyarakat kini dapat membentuk sistem pemikiran yang tepat. Sehubungan itu kajian ini dilihat penting dan ianya masih berbeza dari kajian-kajian yang telah dijalankan sebelum ini. Ini kerana fokus kajian ini adalah ke atas kepentingan ilmu logik dalam konteks penggunaan media sosial khususnya dalam mendepani budaya tular.

Kajian tentang penggunaan media sosial

Kajian Mohd Mokhtarishah Mohamed Mokhtar dan Hasmadi Hj. Hassan (2021) berpendapat bahawa media sosial menjadi wadah untuk menyuarakan sebarang pandangan dan pendapat serta perkongsian sebarang idea pada masa kini. Selain itu, media sosial juga menjadi medium bagi semua perkara ditularkan dari cerita seorang bayi sehingga cerita manusia dewasa dalam pelbagai latar belakang. Bahkan, semua perkara yang berpotensi untuk ditularkan akan disebarkan tanpa mengenal sesiapa. Situasi ini akan membawa kepada perpecahan masyarakat dan menggugat keharmonian serta keamanan institusi sosial sekiranya mesej dan bahan yang disebarkan serta dikongsi mencetuskan salah faham sehingga menimbulkan pertelingkahan dan persengketaan di luar alam maya.

Budaya tular yang berlaku disebabkan perkembangan komunikasi dalam platform digital mempunyai risiko dalam mencetuskan kekeliruan, pertelagahan dan permusuhan dalam kalangan masyarakat. Rekabentuk media sosial yang dibangunkan dengan meneliti aspek psikologi mempunyai ciri-ciri khusus yang dapat memanipulasi pemikiran pengguna sehingga mendorong mereka bertindak secara impulsif dan emosional. Selain itu, bahan kandungan yang tidak beretika dan maklumat yang tidak tepat mudah diperolehi dari ruangan sosial di internet sehingga mencetuskan budaya tular yang mengandungi unsur negatif seperti buli siber, penipuan perdagangan, fitnah, pembelian emosional dan penyebaran ideologi asing yang bercanggahan dengan nilai budaya dan agama. Keadaan ini mencetuskan ketidakselesaan yang mengancam keharmonian kehidupan (Mohd Mokhtarishah & Hasmadi 2021).

Tidak dapat dinafikan cabaran utama dalam dunia teknologi moden seperti isu privasi (*surveillance capitalism*), penyebaran maklumat palsu, bias algoritma, ketagihan media sosial, buli siber, dan pengaruh AI berpotensi menghakis nilai kemanusiaan serta warisan budaya (Siti Sarawati Johar et al, 2025). Isu-isu yang wujud melalui penggunaan media sosial seperti buli siber, penyebaran berita palsu atau maklumat palsu, kebebasan bersuara secara keterlaluan, jenayah siber, ketagihan, pornografi dan penggunaan tanpa kawalan adalah cabaran yang perlu

dihadapi dengan kewujudan media sosial (Muhammad Adil Fikri Mohd Hamizi & Intan Suria Hamzah, 2023).

Tambahan perbincangan dalam media sosial yang sering didorong oleh faktor emosi menjadikan pengguna berkecenderungan untuk bertindak mengikut perasaan dengan menghina, menyindir, mempersendakan atau mempersoalkan (Mohd Faisal & Siti Hanisah 2018). Dari satu segi, budaya tular boleh menjadi satu bentuk serangan bukan fizikal kerana mencetuskan kekeliruan, salah faham dan prasangka sama ada dengan cara menggunakan logik mudah atau logik falasi. Kebebasan menyatakan pandangan dan mengulas isu-isu yang menjadi tular mengandungi banyak falasi yang sekiranya tidak ditapis akan membawa kepada salah faham dan kesimpulan yang salah.

Selain itu, viral atau tular menjadi budaya yang menentukan sesuatu isu diketahui ramai, sama ada dalam suasana positif atau negatif. Budaya bentuk baharu ini juga mempengaruhi fikiran dan perasaan massa secara spontan (Berita Harian, 2019). Kewujudan teknologi maklumat seperti laman sosial facebook, twitter, tik tok dan sebagainya telah mengubah teknik berfikir masyarakat dan budaya setempat. Secara tidak langsung, budaya tular ini mula mempengaruhi gaya hidup masyarakat Melayu secara perlahan meninggalkan sistem nilai yang diwarisi generasi terdahulu (Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff & Muammar Ghaddaffi Hanafiah, 2015).

Dalam menentukan baik atau buruk budaya tular di media sosial ini, masyarakat terlebih dahulu perlu memahami kenapa dan bagaimana sesuatu kandungan (content) boleh menjadi tular. Kitaran aliran maklumat yang bermula dari aktiviti mencipta konten, menghantar, menerima dan menyebarkannya sehingga kandungan tersebut menjadi tular bertunjangkan kepada faktor emosi (Muhamad Faisal & Siti Hanisah 2018, Mohd Hanif et al. 2022). Situasi ini perlu diseimbangkan dengan keupayaan membuat penilaian yang logik menggunakan pemikiran rasional yang berteraskan konsep ilmu yang benar agar impak negatif dari budaya tular dapat dihindarkan. Namun begitu, keupayaan untuk menyaring maklumat dalam internet tidak mampu dijana apabila seseorang tidak menguasai ilmu logik dengan sebaiknya. Tren interaksi yang dilihat dalam hantaran dan komen di ruangan media sosial memberi indikator wujudnya kelemahan dalam penguasaan pemikiran logik dan rasional dalam kalangan pengguna media sosial, termasuklah generasi muda umat Islam (Wan Mazwati 2022, Nazneen et al. 2022).

Kegagalan menyaring maklumat di media sosial bukan sekadar isu teknikal, sebaliknya turut berkait dengan kelemahan kognitif pengguna. Pengguna media sosial yang sering berkongsi maklumat palsu bukan disebabkan oleh niat jahat, melainkan faktor kemalasan kognitif. Pengguna media sosial didapati gagal menggunakan pemikiran analitikal sebaliknya lebih bergantung kepada emosi ketika berinteraksi dengan kandungan digital. Hal ini membuktikan bahawa tanpa sistem berfikir secara logik minda manusia sangat berisiko tinggi kepada manipulasi maklumat (Gordon Pennycook & David G. Rand, 2022).

Jika diteliti, hakikatnya media sosial memainkan peranan yang sangat besar dalam menyebarkan maklumat yang tepat, benar, dan berfaedah kepada masyarakat di sekeliling. Hal ini kerana, kombinasi elemen dakwah dan media telah mewujudkan satu fenomena yang mencetuskan pembangunan dan kemajuan ilmu agama. Sehubungan itu, peranan media dalam Islam sewajarnya menonjolkan prinsip yang selari dengan ajaran Islam. Tambahan ajaran Islam telah menetapkan bahawa media Islam mestilah selari dengan peranan agama Islam itu sendiri (Mashitah Sulaiman, Mohd Nazir Ahmad, Anita Ismail & Suhailiza Md Hamdani, 2022). Oleh

demikian tidak sewajarnya budaya tular dibiarkan subur dalam kalangan pengguna media sosial di Malaysia yang majoritinya adalah masyarakat yang beragama Islam.

Justeru berdasarkan perbincangan di atas dapat disimpulkan bahawa perbincangan mengenai penggunaan media sosial amat penting untuk terus dikaji dan didalami agar masyarakat kini dapat menggunakan media sosial secara beretika. Sehubungan itu kajian ini dilihat penting dan ianya masih berbeza dari kajian-kajian yang telah dijalankan sebelum ini. Ini kerana fokus kajian adalah terhadap analisis kepentingan ilmu logik dalam penggunaan media sosial khususnya dalam konteks masyarakat di Malaysia.

Metodologi Kajian

Kajian ini berasaskan pendekatan kualitatif menggunakan reka bentuk analisis kandungan. Kajian ini bersifat sistematik yang melalui proses terancang bagi memastikan maklumat perincian kajian menjadi tepat. Pemilihan artikel melalui tiga sub saringan utama iaitu pengenalan (identifikasi), pemeriksaan (*screening*) dan kelayakan (*eligibility*). Untuk mengelakkan berat sebelah (*bias*) dalam pencarian data, Xiao & Watson (2019) menggalakkan untuk menggunakan dua atau lebih carian *database*. Oleh itu tiga pangkalan data digunakan iaitu Scopus, MyCite dan Google Scholar. Ini bersesuaian dengan kata beliau "*the more the merrier*". Bagi memudahkan hasil carian, pengkaji mempelbagaikan *keywords* yang diguna pakai. Mohamed Shaffril et al. (2020) juga menyatakan dalam proses memperluaskan hasil carian, cubaan perkataan yang sama erti (sinonim) mahupun perkataan yang ada kaitan (*related*) dengan tajuk kajian dapat membantu mengenalpasti artikel yang berkait dengan objektif kajian. Sehubungan itu, empat kata kunci utama telah digunakan iaitu logik, mantik, pemikiran kritis, kognitif, falasi, media sosial, digital, budaya tular dan teknologi moden. Seterusnya kajian ini menyaring artikel-artikel dengan mengecilkan skop pencarian iaitu hanya kajian di Malaysia sahaja yang diberi fokus. Penyelidik perlu memutuskan dan menerangkan kriteria secara eksplisit dalam memilih dan memutuskan artikel yang ingin diguna agar fokus penelitian tertumpu kepada obektif dan matlamat penulisan (Okoli, 2015). Berdasarkan artikel yang dipilih, penyelidik membatasi pencarian artikel bermula tahun 2000 sehingga tahun 2026 sahaja. Proses kelayakan ini dilakukan setelah pemeriksaan artikel diasingkan. Setelah itu, pengkaji melanjutkan proses dengan membaca abstrak artikel. Maklumat umum yang disusun merangkumi tahun penerbitan, jenis kajian, jenis analisis (kualitatif, kuantitatif atau campuran) dan dapatan kajian. Kemudian atikel yang terkumpul digunakan bagi menjawab persoalan kajian ini. Keseluruhan artikel telah dipastikan relevan dengan tajuk dan objektif kajian. Proses penganalisisan dilakukan secara manual bagi menjawab semua persoalan kajian.

Analisis Signifikan Ilmu Logik Dalam Penggunaan Media Sosial

Hakikatnya ilmu logik berperanan penting dalam komunikasi lisan dan tulisan. Kedua-dua bentuk komunikasi ini memerlukan kepada penggunaan bahasa yang bersistem agar mudah di tafsir dan sekali gus memberi kefahaman kepada para pendengar atau pembaca. (Mohd Azhar Abd Hamid, 2001). Lantaran itu makalah ini akan menganalisis tiga signifikan utama ilmu logik dalam penggunaan media sosial yang melibatkan komunikasi lisan mahupun tulisan. Berikut merupakan signifikan ilmu logik dalam mendepani budaya tular di media sosial;

Ilmu logik memandu akal manusia berfikir secara sistematik

Berdasarkan ilmu logik, terdapat empat elemen asas dalam memandu akal manusia agar berfikir secara sistematik. Pertama mengenal pasti dan memahami premis masalah, kedua mencari sebab atau punca, ketiga menilai cara-cara penyelesaian dan keempat membuat keputusan atau

kesimpulan (Muhammad Rashidi & Mohd Fauzi, 2018). Hal ini dilihat sangat penting untuk difahami dan diaplikasi dalam kalangan pengguna media sosial. Sewajarnya pengguna media sosial berfikir secara sistematik terlebih dahulu dengan mempraktikkan empat elemen asas yang ditekankan dalam kandungan ilmu logik ini sebelum menularkan sesuatu isu atau maklumat yang diterima. Proses ini penting agar isu atau maklumat di media sosial tidak menjadi suatu bahan tular negatif sehingga boleh mendorong kepada berlakunya buli siber yang seterusnya akan memberi tekanan emosi kepada mangsa tular. Lebih parah dan membimbangkan kajian Suriana Che Awang & Khadijah Alavi (2020) mendapati bahawa buli siber boleh mendorong kepada keinginan bunuh diri. Sehubungan itu setiap pengguna media sosial perlu mengenal pasti sesuatu maklumat dengan teliti dan baik sebelum membuat keputusan untuk menularkannya. Oleh demikian ilmu logik mengasah potensi akal untuk berfikir secara tepat bukan sahaja dalam persoalan agama bahkan juga mencakupi masalah kehidupan manusia yang bersifat duniawi (Muhammad Rashidi & Mohd Fauzi, 2020). Daripada itu ilmu logik dilihat sangat signifikan sebagai panduan kepada manusia untuk berfikir secara sistematik dan ia amat relevan untuk difahami dan diaplikasi dalam penggunaan media sosial sekaligus merealisasikan hasrat kerajaan untuk melahirkan masyarakat madani.

Ilmu logik memandu akal manusia dalam membezakan kebenaran dan kesalahan
Berebalkan ilmu logik seseorang berkeupayaan untuk membezakan kebenaran dan kesalahan (falasi) yang berlaku dalam berfikir. Antaranya ilmu logik menekankan kaedah *ta'rif* iaitu definisi dan proses *tasawur* iaitu gambaran konseptual terhadap hakikat sesuatu sesuatu yang dinyatakan menerusi lafaz-lafaz tunggal(subjek) tanpa diberi sebarang penetapan hukum ke atasnya (Mohd Fauzi, 2002). Meskipun manusia dikurniakan dengan bekalan potensi akal dan indera untuk mencapai ilmu dan kebenaran, namun tanpa sistem fikir yang benar, manusia tidak akan dapat memperoleh ilmu dan sentiasa terpengaruh dengan pemikiran dan kepercayaan yang salah (Khalid & Muhammad Hazim 2021). Tambahan dalam konteks media sosial kini yang sarat dengan penularan fitnah, penularan berita palsu, penularan fahaman ideologi semasa dan fahaman pengganas atau militan. Misalnya kumpulan beraliran syiah yang aktif menyebarkan ajaran di media sosial. (Mohd Aizam Masod, 2013). Begitu juga kumpulan pengganas dan militan seperti DAESH yang turut menggunakan saluran media sosial dalam mempengaruhi pemikiran masyarakat (Ahmad Sauffiyan Abu Hassan, 2016). Tidak kurangnya juga dengan pengaruh fahaman liberalisme khususnya dalam kalangan pengguna remaja di media sosial yang kononnya lontaran idea atas dasar kebebasan bersuara (Norsaleha Mohd. Salleh et.al, 2017). Oleh demikian ilmu logik berperanan penting kepada pengguna media sosial untuk membezakan isu dan maklumat tular yang diterima atau yang akan dikongsikan itu benar atau salah. Lebih membimbangkan penularan isu yang turut menyentuh sentimen agama dan bangsa sehingga menggugat perpaduan di Malaysia. Sehubungan itu ilmu logik dilihat sangat signifikan bukan sahaja untuk membendung budaya tular dalam kalangan pengguna media sosial tetapi sekaligus untuk memelihara kesejahteraan masyarakat madani di Malaysia. Meskipun terdapat kawalan undang-undang namun generasi kini perlu dilatih dengan sistem fikir yang benar kerana sesuatu perubahan itu mesti bermula dengan diri individu itu sendiri.

Ilmu logik melatih akal manusia untuk berfikir secara kritis
Keghairahan segelintir pengguna media sosial masa kini dalam menularkan sesuatu isu dan maklumat dilihat telah mencetus "*breaking news syndrome*" (sindrom menyebar berita terawal). Lebih membimbangkan lagi apabila pengguna media sosial merasakan memadai dengan hanya bersumberkan sesuatu maklumat yang tular di media sosial. Lantaran itu kemahiran berfikir secara kritis merupakan aspek penting yang perlu dikuasai dan diaplikasi oleh para pengguna media sosial. Kemahiran ini menekankan tiga aspek utama iaitu analitikal,

objektiviti dan penilaian (Norafifah Ab Hamid, 2010). Selain itu kegagalan melatih akal berfikir secara kritis ini juga dibimbangi boleh mendorong seseorang bertindak diluar objektif dan penilaian sehingga media sosial menjadi tempat perkongsian secara berlebihan (*oversharing*). (Syed Mohammad Hilmi Syed Abdul Rahman et.al, 2022). Lebih parah hal ini turut mengundang gangguan mental *narcisisme* (Błachnio & Przepiórka, 2018). Disebabkan itu sebagai pengguna media sosial ketiga-tiga aspek pemikiran kritis ini perlu sentiasa dilatih agar pengguna media sosial tidak terjebak dengan segala permasalahan akibat budaya tular yang kian membarah. Menurut Muhammad Rashidi & Mohd Fauzi (2018) kaedah ilmu logik dalam penyelesaian masalah merupakan asas penting dalam wacana pemikiran kritis. Daripada itu jelas bahawa ilmu logik berperanan penting dan amat signifikan dalam usaha membentuk pemikiran kritis seseorang khususnya terhadap penggunaan media sosial secara berhemah. Hal ini sekaligus dilihat relevan dalam melahirkan masyarakat yang berfikiran kritis..

Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan di atas dapat disimpulkan bahawa ilmu logik sangat signifikan dan berperanan penting dalam membentuk sistem fikir para pengguna media sosial. Tambahan dalam konteks kini yang terpaksa berhadapan dengan budaya tular yang kian membarah sehingga menimbulkan porak peranda dalam kehidupan bermasyarakat. Hasil kajian mendapati tiga signifikan utama ilmu logik dalam di era media sosial iaitu pertama memandu akal manusia berfikir secara sistematik, kedua memandu akal manusia untuk membezakan kebenaran dan kesalahan, ketiga melatih akal berfikir secara kritis. Kegagalan memahami dan mengaplikasi ilmu logik dalam kalangan pengguna media sosial dilihat telah menyuburkan lagi budaya viral sekaligus mengundang permasalahan-permasalahan lain seperti buli cyber, penyebaran berita palsu, penyebaran fahaman salah dan sebagainya. Justeru tidak dapat dinafikan lagi signifikan ilmu logik dalam penggunaan media sosial bagi membendung budaya tular sekaligus melahirkan masyarakat yang berfikiran kritis.

Rujukan

- Ahmad Sauffiyan Abu Hassan. "Daesh: Kebangkitan Dan Pengaruh Media Sosial." Jurnal Komunikasi, Malaysian Journal of Communication 32 no. 2 (2016): 381-404.
- Aminuddin Hassan, Fadzilah Abd Rahman & Sim Kuan Yew. 2015. Meneroka Pemikiran Logik Melalui Penggunaan Aplikasi Mudah Alih. *International journal of Education and Training* (InJET). 1-7 pp.
- Błachnio & Przepiórka. "Facebook Intrusion, Fear of Missing Out, Narcissism, And Life Satisfaction: A Cross-Sectional Study." *Psychiatry Research* 259 (2018): 514-519.
<https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2019/04/552417/kegilaan-budaya-tular-tuntut-kewarasan>.
- <https://www.bharian.com.my/rencana/minda-pembaca/2024/09/1294739/pemikiran-kritis-tapis-maklumat-di-media-sosial>
- Ibn Khaldun, 2004. Muqaddimah. Kaherah: Dar al-Fajr.
- Ibn Manzur, 2003. Lisan al-Arab. Qaherah: Dar al-Hadith.
- Johar, S. S., Husaini, N. A., Mohd Kamil, N. A. ., Johar, F. L. H., Muhammad Zaidi, N. D. I. ., Johar, L. P. H., Johar, L. W. L., Johar, L. W. J., & Johar, L. Z. L. (2025). Menelusuri Cabaran Nilai Sosial dalam Era Digital: Analisis Literatur Konseptual Berasaskan Etika dan Peradaban. *Human Sustainability Procedia*, 5(2), 87-96.
- Kamus Dewan, 2010. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khalid Ismail & Muhammad Hazim Mohd Azhar. 2021. Ilmu logik Aristotle: Implikasi, Reaksi dan Interaksi Terhadapnya dalam Dunia Keintelektualan Islam. *MANU Bil. 32 (1)*, 93-124, (Jun).
- Mashitah Sulaiman, Mohd Nazir Ahmad, Anita Ismail & Suhailiza Md Hamdani. 2022. *Pembangunan Media Sosial Baharu dan Impaknya Terhadap Dakwah Era Digital di Malaysia*. Seminar Antarabangsa Falsafah, Tamadun, Etika dan Turath Islami Istet 2022 anjuran Pusat Pengajian Teras, USIM pada 19 Oktober 2022.
- Mohamed Shaffril, H. A., Ahmad, N., Samsuddin, S. F., Samah, A. A., & Hamdan, M. E. (2020). Systematic literature review on adaptation towards climate change impacts among indigenous people in the Asia Pacific regions. *Journal of Cleaner Production*, 258, 120595. <https://doi.org/10.1016/j.jclepro.2020.120595>
- Mohd Aizam Masod. "Jakim: Fahaman Syiah Disebarkan Melalui Media Sosial." Laman Astro Awani bertarikh 26 Ogos 2013.
- Mohd Azhar Abd Hamid, 2001. Pengenalan Pemikiran Kritis dan Kreatif. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Fauzi Hamat, 2002. Ketokohan Al-Ghazali Dalam Bidang Mantik: Suatu analisis terhadap Muqaddimah al-Kitab dalam Kitab al-Mustasfa min Ilm al-Usul. Tesis Ijazah Kedoktoran, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Mohd Fauzi Hamat. (2005). Ketokohan al-Ghazzali dalam Bidang Logik. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mohd Hanif Mohd Omar, Ariff Imran Anuar Yatim, Azahar Harun. (2022). Cadangan kerangka Etika dan Akhlak di dalam Penghasilan Video Tular di Malaysia. *International Journal of Art and Design (IJAD)*. 6(2), Oktober 2022, 90 – 105.
- Mohd Hamizi, M. A. F., & Hamzah, I. S. . (2023). Penggunaan Media Sosial Sebagai Media Baharu dan Impaknya Terhadap Masyarakat Malaysia. *Perspektif Jurnal Sains Sosial Dan Kemanusiaan*, 15, 24-37.
- Mohd Mokhtarishah Mohamed Mokhtar dan Hasmadi Hj. Hassan. 2021. Pengaruh Faktor Persepsi Negatif dan Budaya Tular Terhadap Buli Siber di Media Sosial dalam Kalangan

- Pelajar dan Golongan Muda. *International Journal of Human Technology and Civilization* (IJHTC). Issue 11, Vol 1 July 2021. pp 16-36.
- Muhammad Rashidi Wahab & Mohd Fauzi Hamat, 2018. Peranan Ilmu Mantik Terhadap Pembinaan Cara Berfikir Ummah Masa Kini. Prosiding Ilmuwan Ususluddin Di Malaysia: Memperkasa Pembangunan Negara dan Perpaduan Ummah. Kuala Lumpur: Pertubuhan Kearifan Islam Malaysia.
- Muhammad Rashidi Wahab & Mohd Fauzi Hamat. 2020. Kedudukan Ilmu Mantik dalam Pemikiran Islam. *Afkar Vol. 22 Issue 2 (2020): 1-42*.
- Nazneen Ismail, Nurhanisah Senin & Sahlawati Abu Bakar. 2022. Cabaran pengajaran kursus mantik di Institut Pengajian Tinggi. *Journal Al-Irsyad*. 7 (2). 994 – 1002.
- Norafifah Ab Hamid, Budaya berfikir Kritis: Kajian Kajian di era pemerintahan Khalifah 'Umar bin 'Abd-'Al-Aziz (99-101H) Disertasi Universiti Malaya (2010).
- Norsaleha Mohd. Salleh, Noor Hafizah Mohd. Haridi, Phayilah Zakaria, Juzlinda Mohd. Ghazali, Gazali Bin Runun Abdullah & Mohd. Shairawi Mohd. Noor. “Liberalisme Dalam Pemikiran Belia Di Media Sosial.” *FUADUNA: Jurnal Kajian Keagamaan dan Kemasyarakatan* 1, no. 2 (2017): 165-175.
- Okoli, C. (2015). A guide to conducting a standalone systematic literature review. *Communications of the Association for Information Systems*, 37(1), 879–910. <https://doi.org/10.17705/1cais.03743>
- Pennycook, G., & Rand, D. G. (2022). Nudging Social Media toward Accuracy. *The ANNALS of the American Academy of Political and Social Science*, 700(1), 152-164.
- Ramli, I.K., Zali, A.A., & Sedon @ M. Dom, M.F. (2021). Viral Phenomenon of Social Media As a Theme Exposition in Painting Approach. *KUPAS SENI: Jurnal Seni dan Pendidikan Seni*, 9 (1), 58 – 67.
- Razali Musa, Mohd Rashidi Wahab & Mohd Faizul Azmi. 2020. Ilmu Mantik dan Isu Akidah Kontemporari. *Malaysian Journal for Islamic Studies*, 4(2): 33-40
- Suriana Che Awang & Khadijah Alavi. “Buli Siber: Impak Emosi Dalam Kalangan Pelajar UKM.” *Jurnal Wacana Sarjana* 4, no. 5 (2020): 1-9.
- Syed Mohammad Hilmi Syed Abdul Rahman et al, “Penggunaan Media Sosial Baharu: Isu-Isu dan Panduan Perspektif Islam” *Jurnal Usuluddin* 50 (1) 2022: 73-96.
- The Encyclopedia of Religion, 1987. New York: Macmillan Publishing Company.
- West, T. (2011). Going viral: Factors that lead videos to become internet phenoma. *The Elon Journal of Undergraduate Research in Communication*, 2(1), 76-84.
- Xiao, Y., & Watson, M. (2019). Guidance on Conducting a Systematic Literature Review. *Journal of Planning Education and Research*, 39(1), 93–112. <https://doi.org/10.1177/0739456X17723971>